

Dari Sebulan ke Sebulan

Seruan Kepada Pemuda Islam

Ahli-ahli falsafah di dalam kurun yang keempat Hijrah telah mengadakan suatu kumpulan sulit di Basrah bernama “*Ikhwān al-Safā*” (Persaudaraan Kesucian) yaitu suatu kumpulan yang mempersoalkan falsafah-falsafah Islam, menggunakan kebebasan berfikir dan sempadan-sempadan yang ditentukan oleh agama telah membuat seruan kepada pemuda-pemuda angkatan baru pada zamannya yang katanya:

“....Wahai saudara-saudara! Jangan kamu habiskan masa dan mencuba memperbaiki keadaan yang telah tua bangka yang tidak ada berkiblat lagi itu. Mereka mempunyai keyakinan bahawa ada pihak dari golongan pemuda tak ada yang akan terdengar melainkan hanya pemandangan-pemandangan yang merosak, kelakuan-kelakuan yang jahat, akhlak yang keji. Mereka itu akan menyusahkan pekerjaanmu akan tetapi mereka tidak berubah menjadi baik. Di atas bahu engkau terletak suatu kewajipan yakni untuk membuktikan bahawa engkau ini seorang pemuda yang bersanubari suci dan sihat. Ketahuilah, bahawa Allah tidak mengutus nabi-Nya melainkan ketika ia bersemangat dan bertenaga muda belia.

“Dengarlah firman Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* di dalam *Sūrah al-Kahfi* tentang pemuda-pemuda yang beriman teguh, dan membawa perubahan baik bagi kaumnya: ‘Sesungguhnya mereka adalah golongan pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka; dan Kami tambah pemberian hidayah kepada mereka...’ (*al-Kahfi* 13). Dan dalam *Sūrah al-Anbiyā*:

‘Mereka berkata: Kami mendengar seorang pemuda yang mencela (patung-patung) itu dipanggil orang dia dengan nama

Ibrāhīm...’”

Seruan ini masih baharu kepada pemuda sekalipun telah diserukan kepada pemuda-pemuda pada kurun yang kesepuluh dahulu.

* * *

Membuat Hukum Bertentangan Dengan Syariat

“Undang-undang dasar yang asasi bagi seorang Muslim ialah syariat Islam. Segala undang-undang ciptaan manusia yang datang sesuai dengan nas atau sejalan dengan pokok syariat itu dengan umum atau yang sejalan dengan jiwa peraturannya, seorang Muslim boleh mengikutnya dengan izin Allah. Sebaliknya undang-undang yang datang bertentangan dengan syariat Islam itu, ia wajib dilawan dan diinjak kerana tidak ada kemuliaan sama sekali bagi yang menyalahi Islam dan sekali-kali tidak boleh ditaati makhluk dalam hal-hal yang maksiat kepada Allah” — kata almarhum Dr. Abdul Qadir Awdah seorang hakim Islam di Mesir daripada kumpulan *Ikhwān al-Muslimīn* yang dihukum gantung oleh kerajaan Gamal Abdel Nasser. Katanya lagi:

“Sesiapa orang yang membuat undang-undang dan tahu bahawa perbuatannya itu menyalahi Islam, orang itu adalah *faṣīh*. Tetapi apabila ia sengaja menghalalkan apa yang dibuatnya itu, maka ia murtad (keluar) dari agama Islam dan kafir kepada Allah. Tidak syak lagi bahawa setiap Muslim tidak suka bersifat dengan salah satu di antara dua sifat tersebut, baik dalam perkara yang berhubung dengan Allah baik pun di antara sesama manusia.

* * *

Kewajipan Seorang Muslim

“Termasuk kewajipan seorang Muslim baik ia pegawai atau bukan, hakim atau tidak adalah wajib ia menyerang perundangan-perundangan atau peraturan-peraturan yang menyalahi bagi Islam dan ia harus menyerang pemerintahan dan pembesar-pembesar yang menyalahi bagi Islam. Kaum Muslimin di seluruh bumi hendaklah bekerjasama untuk mengubah perundangan-perundangan atau ketentuan-ketentuan dasar yang menyalahi bagi Islam dan meleburkannya dengan tangan kekuasaan mereka (jika mereka berkuasa — P). Jika satu atau sebahagian mereka lemah untuk berbuat demikian, wajiblah ia mengkecam dengan lidahnya dan menyerangnya dengan pena, bersama-sama dengan kawan-kawannya yang berkuasa mengubah dengan tangannya itu. Jika masih lemah juga untuk berbuat dengan perbuatan atau perkataan bagi meruntuhkan undang-undang atau dasar yang menyalahi Islam, seseorang Muslim wajib meruntuhkan undang-undang itu di dalam hatinya dan wajib mengutuk undang-undang tersebut dan mengutuk pula di dalam hatinya orang-orang yang membentuk undang-undang itu.” — kata almarhum Dr.

Abdul Qadir Awdah di dalam kitabnya *al-Islām wa ‘Awdah al-Qanūniyyah*.

* * *

Bantuan Ihsan

Tun Abdul Razak tatkala menggulung perbincangan rang undang-undang yang membolehkan anggota Dewan Rakyat mendapat bayaran suguhati akibat kematian atau kemalangan yang menimpa di atas diri mereka dalam masa menjalankan tugas telah menyatakan bahawa kerajaan akan menimbangkan bagi memberi bayaran sugu hati kepada keluarga Allahyarham Zulkiffi Muhammad yang telah meninggal dunia dalam kemalangan motorkar. Pengumuman ini adalah sangat menggembirakan kerana perasaan ihsan dan timbang rasa itu wajib dibuat walau terhadap golongan pembangkang. Mudah-mudahan timbang rasa itu akan bersegera dibuat.

* * *



Simbol Komunis dibakar oleh orang-orang

Indonesia di Medan.

Kurang Jaga Dicebik Orang

Dalam sidang Parlimen Malaysia, Tengku Abdul Rahman Putra telah menarik balik perkataannya yang menuduh ada komplotan yang hendak menjatuhkannya dengan perkara-perkara yang mengenai bahasa kebangsaan. Sungguhpun perkataan itu telah ditarik tetapi kesannya masih tinggal dan kerana itulah sentiasa orang berharap dengan sifat beliau sebagai Perdana Menteri mestilah berhati-hati di dalam mengeluarkan kata-kata supaya tidak dicebik orang. Kalau Tengku dicebik, orang-orang yang mengikut beliau pun berasa terkena cebik pula. Begitulah halnya di dalam dunia sekarang.

* * *

Soal Air Hujan

“Saudara-saudara tahu setengah orang percaya bahawa negara adalah bergantung kepada naungan orang lain untuk hidup. Contohnya pembekalan air yang kita terima dari

luar Singapura” — kata Perdana Menteri Singapura

Lee Kuan Yew.

“Ketika saya dalam perjalanan menuju ke mari di dalam kereta baru sekejap tadi, saya telah memikirkan musim hujan yang turun sekarang dan berkata kepada diri saya sendiri pada setiap tahun hujan turun sebanyak 95 inci, kalaulah kita boleh mencari jalan bagaimana untuk menyimpan air itu, kita akan mempunyai air yang cukup untuk hidup kita tanpa bergantung kepada orang lain.”

Soal memikirkan menampung air hujan seperkara yang sulit tetapi lebih praktik kalau memikirkan soal air laut di sekeliling Singapura seperti yang dibuat oleh Aden. Hujan tak tentu datang tetapi air laut sentiasa ada di sekeliling Singapura.

* * *

Mahu Hasil Dari Pelacur?

En. Karim Abu, wakil Perikatan Melaka di Dewan Rakyat Kuala Lumpur telah mengadakan suatu permintaan supaya Menteri Kewangan mengenakan lesen kepada pelacur-pelacur di negeri



Lawatan Amir Bahrain, Amir Sha’I sedang melawat ‘Arabiyah Sa’ūdiyyah (duduk nombor dua dari kiri).

ini. Mengenakan cukai kepada pelacur, katanya, kita akan menambah lebih banyak lagi hasil-hasil untuk negeri kita.

En. Karim Abu nampaknya melupakan bahawa kerajaan Malaysia, agama rasminya agama Islam dan tiap-tiap kerajaan negeri menjalankan kuatkuasa perkara Islam menerusi raja-rajanya. Tetapi nampaknya kerana “Islam kulit” maka segala langkah yang diseru oleh agama tidak dilaksanakan — dijalankan dengan pejam mata sahaja dan akibatnya banyak pelacuran yang menjadikan En. Karim Abu tidak balik kepada puncanya tetapi cuba pula hendak melesennya dan mengambil cukainya. *Ma shā’a Allāh.*

* * *

Ilmu Bungkus

Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad dengan cara bergurau di dalam ceramahnya telah menyatakan bahawa apa yang dipayahkan tentang ilmu bungkus. Dia telah berbungkus — gulingkan sahaja ke laut Changi, habis perkara. Tetapi, ilmu yang tidak berbungkus yang terang-terang yang lebih nampak terbiar dengan berleluasa di televisyen, di wayang gambar, di radio dan seumpamanya hingga orang leka — lengah — tidak ambil endah akibat-akibatnya, terutamanya dari golongan-golongan agama. Sekian katanya.

Ini kurang ustaz! Patut ditambah: Mawlid Nabi disambut meriah, Mikraj begitu juga, Peraduan Qur’an selalu diadakan di merata-rata — satu, lepas satu tetapi sandiwara juga berserta, peraduan cantik diadakan — ertinya caca merba — peraturan agama Islam boleh dicampur-campur: maksiat dan kebajikan, halal dan haram boleh dibuat sama. Begitulah masyarakat kita ya ustaz!

* * *

Ada Apa-apanya

En. Karim Abu telah menegur diplomat-diplomat ke negeri asing tidak tahu berbahasa di negeri yang ia berada. Disebutnya,

duta di *France* tidak tahu berbahasa Perancis dan
duta di *Sa'ūdiyyah 'Arabiyyah* tidak tahu berbahasa Arab.
Memang bagus kalau duta-duta itu tahu berbahasa di negara-negara
yang ia menjadi wakil. Tetapi ada orang hairan
mengapa yang di *Sa'ūdi* dan yang di *France* sahaja
menjadi tumpuan dan disebut. Patutnya duta-duta
di Siam, pesuruhjaya-pesuruhjaya di India, di Ceylon dan di Negeri-negeri
Arab Bersatu mestilah disebut juga. Yang di negeri-negeri
Arab Bersatu lebih lagi kerana bahasa Arab di sana banyak
jenisnya — Mesir dan Morocco bahasanya lain kaedahnya.
Adakah duta-duta asing yang baru-baru datang ke Malaya ini semuanya
mengerti bahasa Melayu baru datang ke mari? Kalau mahu
mencari pandai bahasa Melayu tentunya sulit hendak mendapat
orang yang berkelayakan. Kerana orang tertanya-tanya adakah
di sebalik persoalan ini ada apa-apanya?

Menganalisa Kesalahan-kesalahan Sendiri

Hanya ada satu jalan yang ditunjukkan Tuhan yang
dapat menjadikan masa yang silam itu sesuatu yang
membangun, iaitu dengan jalan menganalisa kesalahan-kesalahan kita
yang lampau dengan tenang dan menemukan kesimpulan-kesimpulan untuk
memetik manfaat daripadanya, dan sesudah itu — melupakan
kesalahan-kesalahan itu. — Dale Carnegie.

Doa Orang Yang Teraniaya

Sabda Nabi (S.A.W) "*Ittaqu da'watu al-mazlūm, fa innahā
laysa baynahā wa bayna Allāhi hijāb*" ertinya: "Takutilah doa
orang yang teraniaya. Kerana antara doanya dengan Allah tidak
ada pendinding."

Tujuannya: Jangan melakukan perkara-perkara yang menyebabkan
orang lain teraniaya. Kerana doa orang yang teraniaya
itu mudah dikabulkan Tuhan. Kalaulah dipohonkannya kepada
Tuhan supaya orang yang menganiaya itu celaka atau binasa
atau sebagainya, Allah tetap memperkenankannya.

Kita Sendiri

Sebuah kata-kata hikmah ada berbunyi: "Hidup
kita ini dibangun oleh fikiran kita sendiri."

Memanglah, kalau kita mempunyai fikiran gembira, kita
juga akan gembira. Tetapi kalau kita mempunyai
fikiran yang murung, kita akan merasa cemas. Kalau
kita memikirkan sakit, maka kita barangkali akan merasa
sakit. Kalau kita memikirkan kegagalan, kita barangkali
akan gagal. Kalau kita merasa selalu sedih sendiri
dan terasing, maka setiap orang pasti akan menjauhkan
diri dari kita.

Menaruh Fikiran dan Mendendam

Kita tidak usah berbuat seperti ajaran Nabī
'*Īsā 'alayhi al-salām* yang mengatakan: "Cintalah musuh-musuhmu!"
Dalam erti yang sempit. Tetapi pelajaran yang dapat dipetik
dari kata-kata itu ialah: Bahawa menaruh fikiran terlalu
banyak, apalagi menyimpan dendam terhadap orang-orang yang
tidak kita sukai, adalah menghabiskan tenaga kita
sendiri. Hal itu tak bermanfaat sedikit jua pun bagi
kita, bahkan menjadikan kita lesu, gugup, letih dan
kesal yang dapat menambah denyut darah kita semakin kencang
dan jantung kita menjadi lemah. — Dale Carnegie.

SUDAH TERBIT!

PERSURATAN MELAYU III

DRAMA

Harga \$7.00

Pesan kepada: —

QALAM

356/8, GEYLANG ROAD,

Singapore 14.